



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	4/1/2020	MUKA SURAT	: 19
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Tiada kenaikan tarif air di Johor

JOHOR BAHRU - Kerajaan Johor menafikan dakwaan terdapat kenaikan dan pelaksanaan tarif air baharu di negeri ini bermula tahun 2020.

Exco Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Johor, Jimmy Puah Wee Tse berkata, pembayaran mahupun kadar bayaran yang dikenakan kepada pengguna juga tidak berubah.

Difahamkan, tiada sebarang perubahan yang akan ditetapkan kepada pengguna air di negeri ini termasuk subsidi pemberian 10 meter padu air percuma bagi golongan kurang berkemampuan.

“Tidak benar (kenaikan tarif air), kadar bayaran penggunaan air juga masih sama seperti sebelum ini,” katanya ketika dihubungi semalam.

Perkhidmatan air di Johor dikendalikan dan dikawal selia oleh syarikat Ranhill SAJ.

Terdahulu, tular satu poster yang mendakwa Pengurusan Air Pahang Berhad bertindak menaikkan tarif air bermula 1 Januari lalu dengan kadar 50 peratus.

